

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP PERTANDINGAN BADMINTON PIALA PUSINGAN PERDANA 1991
Lokasi : DEWAN SERBAGUNA TENAGA NASIONAL BERHAD, KUALA LUMPUR
Tarikh : 10-08-1991

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merangkap Penaung BAKTI; Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen; Yang Amat Berbahagia Yang Di-Pertua Pasukan Badminton Peringkat Negeri; Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Elyas Omar, Datuk Bandar Kuala Lumpur; Tetamu-tetamu jemputan; Pemain-pemain serta penyokong; Puan-puan dan tuan-tuan; Pertandingan badminton bagi merebut Piala Pusingan Perdana 1991 bagi tahun ke-6 ini telah selamat dengan sempurna dan jayanya. Syukur alhamdulillah.

2. Bagi pihak BAKTI dan Pasukan-pasukan Badminton yang datang dari 11 buah negeri di Malaysia dan bagi pihak saya sendiri, saya ucapkan selamat datang ke Majlis Penutup Pertandingan Badminton Piala Pusingan Perdana 1991 dan berbanyak terima kasih kepada para jemputan yang sudi hadir bersama. Terima kasih banyak saya ucapkan kepada Perdana Menteri kita sendiri kerana bukan sahaja menyumbangkan Piala Pusingan 5 tahun yang baru tetapi juga sudi menyampaikannya sendiri kepada johan, pertandingan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Pertandingan yang ke-6 ini disertai oleh 11 pasukan negeri-negeri kecuali Johor, Kelantan dan Sabah kerana sebab-sebab yang tertentu. Kebanyakan pasukan ini adalah asas pemain dalam Piala Pusingan Toh Puan Suhaila dan tidak putus asa dan azam mereka untuk merebut Piala Pusingan Perdana pula.

4. Semangat kesukanan ini berkobar-kobar hingga ramai pemain berkata bahawa mereka tidak berasa selesa sekiranya tidak bermain sehari pun. Begitu rupanya ketagihan bermain badminton. Apa yang saya galakkan pada tahun 1985 ialah supaya isteri pemimpin-pemimpin Pusat dan Negeri mula bermain badminton antara sesama kita tetapi kini mereka telahpun bermain secara berpenjuru 3 dan 4 bahkan mewujudkan pula zon-zon. Pasukan-pasukan telahpun merantau ke Perlis bermain dalam Pertandingan Zon Utara, ada yang bermain di Zon Tengah. Peraturan sebegini adalah petanda yang amat sihat bukan sahaja daripada segi permainan tetapi juga daripada segi pergaulan dan kemesraan antara isteri pemimpin-pemimpin tanah air.

5. Saya sebagai pemain dan juga pemerhati amatlah megah dengan mutu pemain-pemain sekarang. Peristiwa yang berlaku dalam 4 hari ini ada yang lucu dan yang menegangkan.

Spekulasi siapa yang akan menjadi juara hebat tetapi sekarang semuanya sudah selesai.

6. Yang gagah dan tekun menjadi juara, yang lain mengambil tempat masing-masing. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pasukan atas kegigihan dan keazaman mereka hingga menjadi Juara Piala Pusingan Perdana 1991. Tahniah dan syabas.

7. Kepada yang belum lagi sampai cita-cita mereka untuk menjadi juara, janganlah berputus asa malahan cuba lagi setiap kali. Kegagalan adalah selangkah ke arah kemenangan dan kekalahan itu bukan kelemahan tetapi sebaliknya menunjukkan yang kita perlu meninggikan mutu permainan kita itu.

Puan-puan dan tuan-tuan,

8. Kejayaan Pertandingan Tahunan ini adalah hasil bantuan kerjasama dan kewangan, daripada beberapa pihak, senarai bagi mengucapkan penghargaan ada disediakan dalam buku cenderamata. Oleh itu memadamkan saya sebutkan ucapan penghargaan dan setinggi terima kasih kepada :-

1) Penderma-Penderma Piala: _____

- a) Y.A.B. Perdana Menteri kerana menyumbangkan Piala Pusingan Pertama bagi Johan.
- b) Y.Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Elyas Omar kerana Piala Johan Simpanan.
- c) Y.B. Datuk Seri Najib, kerana Piala Pusingan Naib Johannya yang disumbangkan pada tahun 1989 dan masih dalam rebutan.

2) Penderma-Penderma Wang dan Benda: _____ 3) a) Ketua Pengarah T.E.N. - guanaan Dewan.

- b) Jabatan-jabatan Kerajaan, termasuk Polis - bantuan kewangan dan keselamatan.
- c) Pasukan Kesihatan.
- d) Pegawai-pegawai Pengadil dan Penjaga Garisan.
- e) Ketua-ketua Pasukan, Penasihat dan Jurulatih masing-masing.
- f) Semua peserta dan penyokong yang datang dari negeri-negeri - terima kasih kerana berserta.

9. Akhir kata, saya doakan semoga mereka yang akan kembali ke negeri masing-masing mulai petang ini akan tiba ke- destinasi masing-masing dengan selamatnya. Semoga kita ber- jumpa pada masa-masa yang akan datang melalui pertandingan persahabatan antara zon atau badan-badan bersendirian.

10. Insya'Allah kita akan bertanding pada tahun 1992 di- negeriyang ditawarkan oleh Yang Di Pertuasendiri.